

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL


All information as at 30 June 2026 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana ESG Global aims to maximise returns over long term by investing in a qualified Sustainable and Responsible Investment (SRI) Fund.

Takafulink Dana ESG Global bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang berkelayakan.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund	100.45
2 Cash, Deposits & Others	-0.45

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	20/03/2023
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM22,715,036.87
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.56653

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana ESG Global Vs. Dow Jones Islamic Market
Developed Markets Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	5.04%	22.04%	12.95%	24.73%	42.90%	NA	56.65%
Benchmark / Penanda Aras	1.33%	20.14%	14.71%	24.78%	50.63%	NA	70.00%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	3.71%	1.90%	-1.76%	-0.05%	-7.73%	NA	-13.35%

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 30 June 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned 5.04% for the month, outperforming the benchmark return of 1.33% by 3.71%. Year-to-date, The Fund returned 12.95%, underperforming the benchmark return of 14.71% by 1.76%. Fourth month into US-Iran war as of end of June, multiple ceasefire negotiations were negotiated, and memorandum of understanding was executed between US and Iran. While these diplomatic efforts succeeded in mitigating the more severe implications of Middle Eastern tensions, they did not achieve a definitive resolution to the conflict, as evidenced by the volume of oil barrels transiting the Strait of Hormuz remaining substantially below pre-war levels. Investors' attentions gradually shifted away from this macro event with market participants adopting an optimistic assessment of developments and expressing confidence that the situation would eventually stabilize. This sentiment contributed to major developed market indices reaching all-time highs during the second quarter of 2026. This development served as a timely reminder that macroeconomic events should not constitute the sole consideration for investment decisions, as the record market were substantially supported by robust earnings growth revisions, driven primarily by AI demand. The Target Fund Manager maintains a positive outlook regarding these developments while simultaneously implementing enhanced risk management protocols, given their observation of limited room for error in the downside risk and elevated expectations of earnings per share growth being incorporated into the valuations of selective stocks. The extent of pricing power upside will be tested by the event of major demand destruction or slowdown. Furthermore, the resurgence in inflation data introduced additional complexities on the macro level, attracting heightened attention as market participants anticipate US Fed subsequent interest rate decision throughout the remainder of the year. By region, allocation and selection were positive across major developed markets. While North America market mainly contributed to the outperformance with better selection, Asia Pacific market continued to demonstrate exceptionally strong contributions from both allocation and selection. By sector, the strong outperformance was mainly contributed to overweight in IT mainly Semi industry and Healthcare and strong selection in IT. While Semi performance within IT stood out with strong growth ahead, the Target Fund Manager has observed increasing interest in broadening out their investment universe to encompass relatively value-oriented companies, whether cyclical or defensive in nature, driven by portfolio repositioning and macro shifts. Absence of exposure to Materials and Energy sectors helped as these sectors relinquished portions of their YTD outperformance due to declining commodity prices. The top contributors to the relative performance were Micron and Taiwan Semiconductor Manufacturing (TSMC). Escalating AI demand supported continued appreciation of DRAM and HBM pricing with Micron reporting results that exceeded their Q3 earnings, demonstrating 3.5x YoY revenue, record gross margin of 85% and more than 10x free cash flow YoY growth. Prospectively, HBM4 negotiations and dividend payment in 2H26 would be key events for Micron. Multiples re-rating as a less cyclical name is being debated as Micron announced 16 strategic customer agreement that to secure longer-term visibility in expense of memory price upside while agentic AI transition would spur further memory demand growth. TSMC announced 5-10% across its product portfolio and even more for the leading-edge nodes. TSMC's leadership in advanced semiconductor manufacturing technology has been insufficiently appreciated by the market, as reflected in its year-to-date underperformance relative to the broader semiconductor industry. The Target Fund Manager believes the company's performance could steadily converge with industry leaders alongside upward earnings revisions, attributable to superior execution, innovation, and high manufacturing yields, while competitors endeavor to narrow the technological gap. On the other hand, the bottom contributors to the relative performance were Hitachi and Broadcom. In the latest IR day, Hitachi delivered no major positive surprise and failed to impress investors by providing only upward revision in energy segment revenue growth. Broadcom despite delivering better than expected earnings left investors with more questions given CEO cautious tone on ASIC chip opportunities and remarks concerning market share competition from Taiwan competitor MediaTek.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menjana pulangan 5.04% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 1.33% dengan perbezaan 3.71%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana menghasilkan pulangan 12.95%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 14.71% dengan perbezaan 1.76%. Perang AS-Iran yang memasuki keempat pada akhir Jun, dengan beberapa siri rundingan gencatan senjata dibentangkan, dan memorandum persefahaman antara AS dan Iran telah dilaksanakan. Sungguhpun usaha diplomatik ini berjaya mengelakkan implikasi ketegangan Timur Tengah daripada menjadi lebih parah, namun mereka tidak mencapai penyelesaian konflik yang muktamad, sebagaimana dibuktikan oleh jumlah tong minyak yang melintasi Selat Hormuz yang masih jauh di bawah paras sebelum perang. Perhatian pelabur beransur-ansur beralih daripada peristiwa makro ini dengan peserta pasaran mengguna pakai penilaian optimistik terhadap perkembangan dan menyuarakan keyakinan bahawa lambat laun, keadaan akan stabil. Sentimen ini menyumbang kepada indeks pasaran maju utama mencecah paras tertinggi sepanjang masa pada suku kedua 2026. Perkembangan ini menjadi peringatan yang tepat pada masanya bahawa peristiwa makroekonomi tidak seharusnya menjadi pertimbangan tunggal dalam membuat keputusan pelaburan, kerana rekod pasaran kuat disokong oleh semakin pertumbuhan pendapatan yang teguh, dipacu terutama sekali oleh permintaan ke atas AI. Pengurus Dana Sasaran mengekalkan pandangan positif mengenai perkembangan ini sambil pada masa yang sama melaksanakan protokol pengurusan risiko yang diperkasakan memandangkan pemerhatian pengurus terhadap ruang untuk berlaku kesilapan amat kecil melibatkan risiko penurunan di samping peningkatan jangkaan pertumbuhan pendapatan sesaham yang dimasukkan ke dalam penilaian sesetengah stok. Setakat mana kemampuan syarikat berupaya menaikkan harga produk akan diuji apabila berlakunya kelembapan permintaan yang ketara. Selain itu, kenaikan semula data inflasi membahayakan kerumitan tambahan pada peringkat makro, lalu semakin menarik perhatian apabila peserta pasaran menjangkakan keputusan kadar faedah Fed AS selanjutnya di sepanjang tahun yang masih berbaki. Mengikut rantau, peruntukan dan pemilihan merentasi pasaran maju utama, positif. Sementara pasaran Amerika Utara khususnya menyumbang kepada prestasi cemerlang dengan pemilihan yang lebih baik, pasaran Asia Pasifik pula terus menunjukkan sumbangan yang cukup teguh daripada peruntukan dan pemilihan. Menurut sektor, lebih berat dalam IT menyumbang cukup besar kepada prestasi cemerlang ini terutama sekali industri Semikonduktor dan Penjagaan Kesihatan serta pemilihan yang kukuh dalam IT. Sementara prestasi Semikonduktor dalam IT menonjol dengan pertumbuhan yang kukuh di hadapan, Pengurus Dana Sasaran mendapati peningkatan minat untuk meluaskan cakupan pelaburan merangkumi syarikat yang berorientasikan nilai secara relatif, sama ada bersifat kitaran mahupun defensif, didorong oleh penstrukturan semula portfolio dan perubahan makro. Ketiadaan pendedahan kepada sektor Bahan dan Tenaga membantu pencapaian kerana sektor tersebut melepaskan sebahagian daripada prestasi cemerlang YTD akibat penurunan harga komoditi. Penyumbang terbesar kepada prestasi relatif ialah Micron dan Taiwan Semiconductor Manufacturing (TSMC). Peningkatan permintaan ke atas AI menyokong kenaikan berterusan harga DRAM dan HBM dengan Micron melaporkan keputusan yang jauh melangkaui pendapatan Q3, menunjukkan pendapatan 3.5x YoY, margin kasar tertinggi 85% dan pertumbuhan aliran tunai bebas lebih daripada 10x YoY. Secara prospektif, rundingan HBM4 dan pembayaran dividen pada 2H26 akan menjadi peristiwa penting buat Micron. Gandaan penarafan semula syarikat yang kurang berkitar sedang diperdebatkan apabila Micron mengumumkan 16 perjanjian strategik dengan pelanggan yang bertujuan untuk menjamin keterlihatan jangka panjang dengan mengorbankan kenaikan harga memori sementara peralihan kepada agentic AI akan memacu pertumbuhan permintaan ke atas memori. TSMC mengumumkan pertumbuhan 5-10% merentasi portfolio produknya dan lebih tinggi ke atas nod canggih. Kepimpinan TSMC dalam teknologi pembuatan semikonduktor canggih belum benar-benar dihargai pasaran, seperti yang tercermin dalam kerendahan prestasinya sejak awal tahun hingga kini berbanding industri semikonduktor secara keseluruhannya. Pengurus Dana Sasaran percaya bahawa prestasi syarikat tersebut boleh menyaingi peneraju industri di samping semakin pendapatan yang meningkat, disebabkan oleh pelaksanaan yang unggul, inovasi dan hasil pembuatan yang tinggi, sementara pesaing berusaha gigih untuk merapatkan jurang teknologi. Sebaliknya, penyumbang terendah kepada prestasi relatif ialah Hitachi dan Broadcom. Pada hari IR terkini, Hitachi tidak memberikan kejutan positif yang besar dan gagal menarik perhatian pelabur dengan hanya memberikan semakin menaik pertumbuhan pendapatan segmen tenaga. Sungguhpun Broadcom menyampaikan pendapatan yang lebih baik daripada jangkaan, namun pelabur lebih banyak persoalan berikutan lontaran nada berhati-hati Ketua Pegawai Eksekutif mengenai peluang cip ASIC dan ulasan mengenai persaingan bahagian pasaran daripada pesaing Taiwan, MediaTek.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 30 June 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL